

Abdullah ingatkan akhbar Cina jangan mainkan isu perkauman

KOTA KINABALU 23 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan akhbar-akhbar berbahasa Cina supaya jangan cuba memainkan isu perkauman ekoran perbahasan pada Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

Perdana Menteri menegaskan, beliau sudah menjawab semua persoalan yang dibangkitkan oleh perwakilan parti itu dalam ucapan penggulungannya pada hujung perhimpunan itu Jumaat lalu dan ia diterima oleh semua ahli UMNO.

Menurutnya, selepas memberikan penjelasan itu, semua ahli UMNO termasuk yang lantang menyuarakan soal hak orang Melayu menerima baik dan bersetuju dengan pandangan beliau.

"Analisis yang saya buat ialah itulah yang (seharusnya) menjadi pengukur, bukannya cakap tiga orang (perwakilan) itu. Dua tiga orang itu hendak dijadikan pengukur bagi menentukan sikap UMNO atau sikap orang Melayu, itu tidak boleh," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Peringkat Kebangsaan 2006 di sini hari ini.

Presiden UMNO itu ditanya mengenai tindakan beberapa akhbar Cina memainkan sentimen perkauman selepas beberapa perwakilan UMNO membangkitkan isu-isu sensitif yang meresahkan sesetengah kaum bukan Melayu.

Abdullah berharap jangan ada mana-mana pihak cuba mempermainkan sentimen yang

UM - 24/11/2006
dibangkitkan oleh perwakilan UMNO untuk membuat andaian bahawa itulah sikap orang Melayu kerana tindakan tersebut amat berbahaya.

"Buka (dengar) balik *tape* (pita rakaman ucapan penggulungan), bukan saya cakap mereka (perwakilan UMNO) buat pekak. Mereka sambut baik, maknanya mereka setuju dengan pandangan saya," katanya.

Perdana Menteri seterusnya meminta semua pihak menumpukan perhatian kepada agenda pembangunan negara kerana ia lebih disukai oleh rakyat dan akan menyenangkan hati mereka.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak bahawa dasar-dasar kerajaan tidak dipraktikkan di peringkat akar umbi, Abdullah berka-

ta, wakil rakyat parti kerajaan perlu bekerja keras memastikan agenda kerajaan dilaksanakan menerusi kerjasama antara Ahli Parlimen dan semua Ahli Dewan Undangan Negeri di sesebuah kawasan.

Menurut Abdullah, beliau juga seorang wakil rakyat, malah lebih sibuk daripada wakil-wakil rakyat lain kerana beliau turut memegang jawatan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, katanya, beliau akan memastikan orang di bawahnya melakukan tugas yang diamanahkan di kawasan yang diwakilinya.

"Saya menjalin hubungan yang amat baik dengan ADUN-ADUN dalam kawasan Parlimen saya. Tidak ada masalah antara saya dengan mereka, (tidak timbul) cemburu an-

tara kami, berebut-rebut antara kami sejak dari dulu lagi.

"Mereka tentulah kerap berada di kawasan dan mempunyai tanggungjawab sendiri, jadi kerjasama mereka dengan pejabat daerah amat baik. Tidak ada masalah," katanya.

Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Kepala Batas berkata, wakil-wakil rakyat perlu memberi keyakinan terhadap pejabat daerah untuk menjalankan tanggungjawab membangunkan sesebuah kawasan dan memajukan kehidupan rakyat.

Katanya, selain pejabat daerah, wakil rakyat juga perlu menjalin hubungan yang rapat dengan jabatan dan agensi kerajaan yang penting di kawasan mereka seperti pejabat pertanian dan pejabat pelajaran.